



SOALAN-SOALAN LAZIM

GANGGUAN SEMENTARA SISTEM MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM (MBRS) BAGI SERAHSIMPAN DOKUMEN BERKANUN SYARIKAT YANG TERLIBAT

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah tarikh gangguan sementara sistem MBRS bagi serah simpan dokumen berkanun syarikat?	Gangguan sementara sistem MBRS adalah bermula dari 30 April 2023 (Ahad) sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
2.	Apakah dokumen berkanun syarikat yang terlibat bagi serah simpan ketika gangguan sistem MBRS ini?	Kesemua dokumen berkanun syarikat yang terlibat di bawah serah simpan sistem MBRS termasuk: (i) Penyata Tahunan (PT); (ii) Penyata Kewangan dan Laporan (PK) Tidak Diaudit; dan (iii) <i>Exempt Private Company</i> (EPC).
3.	Apakah definisi syarikat yang terkesan daripada gangguan sistem MBRS ini?	Syarikat yang terkesan adalah syarikat yang mana tarikh ulang tahun serah simpan PT bermula pada 1 Mac 2023 mengikut peruntukan seksyen 68 dan 576 Akta Syarikat 2016 (AS 2016) iaitu yang jatuh dalam tempoh gangguan sistem MBRS.
4.	Bagaimanakah syarikat ingin menyerah simpan semula dokumen berkanun yang telah dikueri melalui sistem MBRS dalam tempoh gangguan sistem MBRS ini?	Dokumen berkanun yang telah dikueri hendaklah diserah simpan segera untuk mengelakkan status bertukar kepada <i>Auto Reject</i> .
5.	Sekiranya serah simpan PT telah dibuat melalui kaunter dan dikueri, adakah syarikat boleh menyerah simpan semula PT tersebut melalui	Dokumen berkanun yang telah diserah simpan di kaunter dan dikueri, kueri tersebut hendaklah dijawab melalui kaunter.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
	sistem MBRS setelah ia kembali beroperasi?	
6.	Bagaimakah syarikat hendak menyerah simpan permohonan pengecualian, lanjutan masa untuk serah simpan dokumen berkanun atau pertukaran tahun kewangan berakhir semasa gangguan sistem MBRS?	<p>Syarikat boleh memohon pengecualian, lanjutan masa untuk serah simpan dokumen berkanun atau pertukaran tahun kewangan berakhir melalui serahan kaunter.</p> <p>Sila layari https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx untuk mendapatkan format dokumen berkanun sebagai rujukan.</p>
7.	Apakah prosedur bagi syarikat yang ingin menyerah simpan permohonan rektifikasi atau dokumen berkanun yang telah direktifikasi/dipinda yang telah diluluskan melalui sistem MBRS sebelum ini?	<p>Dokumen Seksyen 602 AS 2016 dan <i>Statutory Declaration</i> (SD) perlu diserah simpan di kaunter dengan bayaran RM300.00 seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual (Peraturan 8) Fi, Peraturan-Peraturan Syarikat 2017.</p> <p>Walau bagaimanapun, serah simpan dokumen berkanun yang telah direktifikasi/dipinda hendaklah di serah simpan melalui sistem MBRS.</p>
8.	Sekiranya syarikat telah mendapat kelulusan permohonan rektifikasi melalui MBRS, bagaimakah syarikat ingin menyerah simpan dokumen pindaan tersebut?	Dokumen pindaan perlu diserah simpan melalui sistem MBRS.
9.	Bagaimakah sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk menyerah simpan dokumen berkanun melalui sistem MBRS semasa tempoh gangguan sistem?	<p>Sekiranya terdapat keperluan mendesak, syarikat dibenarkan serah simpan melalui kaunter menggunakan format dokumen berkanun* dengan melayari https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Companies-Act-2016.aspx sebagai rujukan.</p> <p>Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak SSM melalui mbrs.support@ssm.com.my</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>atau di talian 03-2299 4400 / 03-7721 4000.</p> <p>*Sila rujuk soalan 2.</p>
10.	Bolehkah dokumen berkanun untuk tahun yang sama diserah simpan melalui sistem MBRS dan kaunter?	<p>Syarikat tidak perlu menyerah simpan dokumen berkanun* melalui sistem MBRS sekiranya serah simpan telah dibuat melalui kaunter.</p> <p>Sebarang permohonan untuk bayaran balik bagi serah simpan bertindan (<i>redundant</i>) tidak akan diproses.</p> <p>*Sila rujuk soalan 2.</p>
11.	Apakah status pemegang sah <i>Digital Certificate</i> yang masih aktif?	Tempoh sah <i>Digital Certificate</i> adalah masih mengikut tarikh luput yang asal.
12.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya tempoh sah <i>Digital Certificate</i> tamat dalam tempoh gangguan sistem MBRS?	Pemegang <i>Digital Certificate</i> dinasihatkan untuk memperbaharui sijil melalui https://mycrs.posdigicert.com.my/ .

Tarikh Kemaskini: 30 April 2023